

22 FEB 2002

Mahathir-Perutusan

DR MAHATHIR AJAK RAKYAT BERKORBAN UNTUK LEBIH MAJU DAN CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di negara ini bertekad untuk terus berkorban bagi memelihara dan membela nasib mereka agar menjadi lebih maju dan cemerlang.

Beliau menggesa umat Islam supaya meningkatkan usaha agar menjadi umat yang progresif, berilmu tinggi, cemerlang dan bermaruah.

Katanya umat Islam di Malaysia kini bertambah maju dan makmur dengan pemerintahan kerajaan yang mampu menangani cabaran dan masalah termasuk perbezaan kaum dan agama.

"Mereka sungguh bertuah kerana diberi tempat yang terbaik dalam semua bidang baik politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, yang kesemuanya meletakkan nasib umat Islam di Malaysia di tempat yang terpelihara," katanya dalam perutusan Aidiladha yang dikeluarkan di sini hari ini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang ketika ini berada di luar negara dan menyambut Hari Raya Korban di London, mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua umat Islam di Malaysia dan berdoa umat Islam yang sedang menunaikan haji di tanah suci dapat menunaikan ibadah itu dengan sempurna dan pulang ke tanah air dengan selamat.

Perdana Menteri berkata sebagai sebuah negara Islam, Malaysia membuktikan pemerintahan negara ini dapat dijalankan dengan dan adil walaupun rakyatnya terdiri daripada penganut pelbagai agama.

Sikap toleransi dan saling faham memahami antara penduduk berbilang kaum ini telah menjadikan negara kita sebuah negara yang begitu aman dan selamat, katanya.

Beliau berkata umat Islam dapat menyambut hari kebesaran agama dalam suasana gembira kerana negara terus berada dalam keadaan aman dan selamat hasil daripada sikap rakyat yang menghargai keamanan dan perpaduan sesama mereka.

"Jelas sekali, majoriti rakyat kita dan umat Islam di Malaysia menolak perlakuan atau perbuatan yang boleh menimbulkan kekacauan dan huru-hara kerana ia tidak akan menguntungkan sesiapa," katanya.

Katanya mereka yang cuba mencetuskan keganasan di negara ini telah ditolak oleh rakyat dan dihukum.

Dr Mahathir juga bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana umat Islam di negara ini sentiasa dilindungi daripada mala petaka semulajadi mahupun bencana buatan manusia termasuk ancaman peperangan, ribut taufan, gunung berapi, penyakit merebak, kemiskinan yang keterlaluan dan kebuluran.

Malahan umat Islam di Malaysia dilimpahi dengan pelbagai rahmat dan nikmat, katanya.

Beliau berkata sikap rakyat yang tidak mahu sebarang bencana atau huru-hara menimpa negara merupakan satu pengorbanan yang besar kerana ia menunjukkan rakyat sanggup mengepikan sifat mementingkan diri demi kesejahteraan negara.

"Sikap mulia ini adalah selari dengan ajaran agama Islam yang menggalakkan umatnya supaya berkorban demi kesejahteraan umat manusia dan kemuliaan agama Islam," katanya.

Katanya agama Islam menuntut sikap berkorban kerana ia adalah jaminan kejayaan umat Islam sepanjang zaman.

Dr Mahathir berkata umat Islam akan berpecah belah, lemah serta mudah ditindas dan ditewaskan oleh musuh-musuh Islam sekiranya tidak mempunyai

sikap berkorban dan sebaliknya asyik mementingkan hal diri masing-masing sahaja.

Banyak bukti menunjukkan umat Islam di dunia ketika ini menjadi lemah kerana sikap yang mementingkan diri masing-masing, katanya.

Perdana Menteri berkata banyak negara Islam sebenarnya mempunyai punca kekayaan yang besar tetapi kerana mengutamakan kepentingan sendiri dalam politik dan ekonomi, pembangunan tidak dapat dijayakan dan mereka menjadi lemah serta tidak terdaya menangani nasib buruk umat Islam di dunia.

"Dengan demikian kita lihat majoriti umat Islam di dunia berterusan ditindas, dihina, diserang, berkeadaan daif dan sentiasa kebuluran. Umat Islam ini hidup kekurangan serba serbi seperti tiada tempat berteduh, berpakaian dan makanan yang mencukupi," katanya.

Oleh itu, katanya, umat Islam di Malaysia haruslah bersyukur kerana nasib mereka tidak seburuk umat Islam di tempat tertentu, dengan memelihara kedudukan agar tidak turut ditimpa nasib yang sama dengan orang lain.

-- BERNAMA

RZS DC RON